



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil. 44 / 2023

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK)
PARLIMEN P.040 KEMAMAN, TERENGGANU

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima Laporan Hakim Pilihan Raya susulan keputusan petisyen pilihan raya di mana mahkamah telah membatalkan keputusan pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu pada 19 November 2022 yang lalu.
2. Sehingga tamatnya tempoh 14 hari rayuan, tiada notis rayuan difailkan terhadap keputusan mahkamah tersebut. Sehubungan itu, selaras dengan Seksyen 36C Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, SPR akan mengeluarkan notis pilihan raya bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut dalam tempoh 60 hari dari tarikh akhir ditetapkan untuk pemfailan rayuan.
3. SPR akan mengadakan satu Mesyuarat Khas pada 17 Oktober 2023 (Selasa). Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR; di mana tarikh-tarikh penting PRK Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian,

Daftar Pemilih yang akan digunakan, dan persiapan-persiapan lain bagi melaksanakan pilihan raya tersebut akan dibincangkan.

4. Satu sidang media akan diadakan sejeurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

11 Oktober 2023 / 25 Rabiulawal 1445H